



JABATAN PELESENAN  
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

No.1, Jalan Bandaran, 88675, Kota Kinabalu. Tel: 088-521752/088-521748 Fax : 088-210009

**BORANG PERMOHONAN LESEN PENJAJA BERGERAK**

**1. MAKLUMAT PEMOHON :**

Nama : .....  
No.Kad Pengenalan : .....  
Alamat Kediaman : .....  
.....  
No. Telefon (H) : ..... Email : .....

**2. MAKLUMAT KENDERAAN (SILA TANDAKAN ✓) :**

BIL	JENIS KENDERAAN	TANDAKAN (✓)	NO.PENDAFTARAN KENDERAAN	MODEL KENDERAAN
1	Lori Kecil (< BDM 4,100KG)			
2	Van			
3	Pickup Truck			
4	Motosikal			
5	Kereta			
6	Basikal			
7	Kereta Sorong			
8	Pejalan Kaki			

**3. JENIS JUALAN (SILA TANDAKAN ✓) :**

BIL	KATEGORI	TANDAKAN (✓)	JENIS JUALAN
1	Makanan dan Minuman		
2	Buah-buahan		
3	Bahan Makanan Mentah / Basah		
4	Lain-lain : .....		

**4. LOKASI PERMOHONAN :**

- a) .....  
b) .....  
c) .....

**5. AKUAN PEMOHON:**

Saya mengaku bahawa semua butir-butir yang diberikan di atas adalah benar. Mayor Bandaraya Kota Kinabalu berhak untuk menolak permohonan ini serta mengambil tindakan Undang-Undang sekiranya keterangan dan dokumen yang disertakan adalah palsu.

.....  
Tandatangan Pemohon

.....  
Tarikh :

**SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN PERMOHONAN LESEN PENJAJA BERGERAK**

BIL	DOKUMEN SOKONGAN	TANDAKAN (v)
1	Salinan Kad Pengenalan yang disahkan Jabatan Pendaftaran Negara	
2	Salinan Kad Pengenalan Pembantu yang disahkan Jabatan Pendaftaran Negara <i>(sekiranya ada)</i>	
3	Salinan Kad Kenderaan	
4	Salinan Surat kelulusan kenderaan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)	
5	Gambar ukuran passport pemohon (1 Keping)	
6	Salinan Kad Kesihatan	
7	Gambar Kenderaan (3 Sudut)	
8	Surat Kebenaran Pemilik Tanah/Pemaju (sekiranya perlu) i. Kawasan Kilang (Zon Industri) yang dibenarkan. ii. Kawasan Tapak Pembinaan yang dibenarkan.	

**GARIS PANDUAN  
PERMOHONAN LESEN PENJAJA BERGERAK  
BERKONSEPKAN LORI KECIL / VAN / *PICKUP TRUCK* /  
MOTOSIKAL / KERETA PERSENDIRIAN/  
BASIKAL/KERETA SORONG/PEJALAN KAKI**



**JABATAN PELESENAN  
DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU  
(RUJUKAN DBKK/JPL: GARIS PANDUAN 1/2021)**

**SABAH MAJU JAYA**

## KANDUNGAN GARIS PANDUAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	KONSEP PERNIAGAAN	2
2	SPESIFIKASI KENDERAAN YANG DIBENARKAN	2
3	LAIN-LAIN KATEGORI	3
4	JENIS JUALAN YANG DIBENARKAN	3
5	LESEN	3 - 4
6	TATACARA MENJALANKAN PERNIAGAAN <b>KINABALU</b>	4
7	KELENGKAPAN PEYEDIAAN MAKANAN	5
8	SYARAT- SYARAT ASAS	5 - 6
9	LOKASI YANG DIBENARKAN	6
10	SYARAT PERMOHONAN	7

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PENJAJA BERGERAK  
BERKONSEP KECIL / VAN / PICKUP TRUCK / MOTOSIKAL / KERETA PERSENDIRIAN /  
BASIKAL / KERETA SORONG / PEJALAN KAKI**

**1. KONSEP PERNIAGAAN**

Menjalankan perniagaan dengan menggunakan kendaraan komersial / persendirian bagi aktiviti jualan berdasarkan makanan/ minuman/ sayur/ ikan/ ayam/ buah-buahan dan lain lain yang diklasifikasikan sebagai penjaja bergerak.

**2. SPESIFIKASI KENDERAAN YANG DIBENARKAN**

1. Kenderaan yang didaftarkan bagi tujuan **KOMERSIAL**.

1.1 Jenis Kenderaan

- 1.1.1 Lori kecil yang tidak melebihi berat dengan muatan (BDM)  
4,100 kg  
1.1.2 Van  
1.1.3 Pickup Truck

1.2 Pemegang lesen yang menggunakan kendaraan komersial hendaklah mendapatkan kelulusan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

2. Kenderaan yang didaftarkan bagi tujuan **PERSENDIRIAN**.

2.1 Jenis Kenderaan

- 2.1.1 Kereta Persendirian  
2.1.2 Motosikal

2.2 Sekiranya kenderaan membuat pengubahsuaian maka perlu mendapatkan kelulusan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) terlebih dahulu.

2.3 Kenderaan persendirian perlu mendapat kelulusan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).

### 3. LAIN-LAIN KATEGORI

- 3.1 Basikal / Kereta Sorong / Pejalan Kaki.
- 3.2 Perlu berdaftar dengan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

### 4. JENIS JUALAN YANG DIBENARKAN

#### 4.1 MAKANAN & MINUMAN

- a) Makanan bermasak dan berbungkus.
- b) Minuman berbungkus.
- c) Makanan kering.
- d) Kuih dan roti berbungkus.
- e) Apa-apa jualan makanan dan minuman yang dibenarkan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dari semasa ke semasa.

#### LARANGAN

- a) **DILARANG** menjalankan aktiviti bermasak di tapak jualan.
- b) **DILARANG** menggunakan meja / kerusi / bangku dan lain lain.
- c) Tidak dibenarkan *Dine In* di kawasan tapak jualan.

#### 4.2 BAHAN MENTAH

- a) Sayur
- b) Buah-buahan
- c) Ayam
- d) Ikan
- e) Daging

#### LARANGAN

- a) **DILARANG** menjalankan aktiviti pembersihan dan memotong bahan mentah seperti ayam/daging/ ikan dan lain-lain di kawasan tapak jualan.

- 4.3 Apa-apa jenis jualan yang dibenarkan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dari semasa ke semasa.

### 5. LESEN

1. Lesen yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat pada setiap masa.
2. Bayaran lesen hendaklah dijelaskan sebelum memulakan perniagaan.
3. Lesen tidak boleh disewa atau dipindah milik.

4. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) berhak membatalkan lesen sekiranya pemegang lesen gagal mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan.
5. Kadar lesen penjaja bergerak adalah **RM 90.00** (Ringgit Malaysia Sembilan Puluh sahaja) sebulan dan deposit pembayaran lesen adalah sebanyak **RM 100.00** (Ringgit Malaysia Seratus sahaja)
6. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) berhak melupuskan deposit sekiranya terdapat pelanggaran syarat oleh pemegang lesen.

## 6. TATACARA MENJALANKAN PERNIAGAAN

1. Penjaja bergerak tidak dibenarkan memasuki atau bermiaga di mana-mana kawasan tapak jaja yang statik dan berkelompok.
2. Pemegang lesen hanya dibenarkan menjalankan perniagaan di kawasan yang dibenarkan sahaja.
3. Menjalankan perniagaan untuk jenis barang yang diluluskan sahaja.
4. Pemegang lesen yang menjual barang makanan adalah dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan mengikut kursus pengendalian makanan.
5. Pemegang lesen yang mempunyai pembantu hendaklah mendapat kebenaran Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan sentiasa memakai kad pembantu semasa waktu bermiaga.
6. Sebarang penggunaan meja, kerusi, tempat memasak, bangku dan lain-lain adalah tidak dibenarkan.
7. Kawasan **LARANGAN** menjaja;
  1. Pusat Bandar CBD
  2. Dalam lingkungan 100 meter dari kawasan Sekolah / Hospital
  3. Bahu Jalan Raya
  4. Dalam lingkungan 50 meter dari Persimpangan Jalan Raya
  5. Terminal Bas Bandaraya (Utara) / KK Sentral
  6. Kawasan komersial kedai
  7. Taman-Taman Awam
  8. Lampu Isyarat
  9. Perhentian Bas
  10. Pasar-pasar awam/ tapak jaja/ tamu
  11. Lain-lain Kawasan yang dilarang oleh DBKK dari semasa ke semasa.

## 7. KELENGKAPAN PEYEDIAAN MAKANAN

1. Tidak dibenarkan memasak di dalam kenderaan.
2. Makanan bermasak yang hendak dijual mestilah berbungkus.
3. Bekas makanan dan minuman hendaklah sentiasa ditutup rapi.
4. Susun atur ruang penyimpanan yang kemas dan teratur.
5. Menyediakan tong sampah / *waste collection* dalaman.

## 8. SYARAT- SYARAT ASAS

1. Melupus sampah dengan menggunakan plastik dan tong sampah yang sempurna.
2. Penjaja hendaklah sentiasa memastikan kenderaan dan kawasan tapak perniagaan berada dalam keadaan bersih dan sempurna.
3. Penjaja dilarang sama sekali menjual barang lain selain daripada yang dibenarkan sahaja.
4. Sebarang penggunaan alat pembesar suara atau peralatan siaraya bagi tujuan promosi perniagaan adalah dilarang.
5. Penjaja kenderaan adalah dilarang untuk meletakkan atau meninggalkan kenderaan di kawasan yang dibenarkan atau mana-mana kawasan selepas waktu perniagaan tamat.
6. Penjaja kenderaan hendaklah bertanggungjawab membersihkan kawasan pada setiap masa dan sisa makanan tidak boleh ditinggalkan.
7. Setiap peniaga diwajibkan mengambil perlindungan insurans '*Public Liability*'.
8. Menggunakan bahan pembungkusan yang boleh dikitar semula. Pembungkusan plastik adalah tidak digalakkan.
9. Setiap peniaga dan pembantu yang menjalankan perniagaan pengendalian makanan adalah diwajibkan mendapat suntikan pelalian '*Typhoid*' dari Pegawai Perubatan yang diiktiraf dan hendaklah sentiasa menggunakan '*Apron*' dan menutup kepala dan sarung tangan bersesuaian.
10. Peniaga atau pembantu warga asing adalah dilarang sama sekali menjalankan aktiviti perniagaan. Tindakan tegas dengan menyita kenderaan akan dilaksanakan dengan serta merta oleh pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).
11. Peniaga hendaklah menjual jenis jualan yang dibenarkan sahaja seperti yang dicatatkan dalam Lesen.

12. Penjualan minuman keras atau barang terlarang adalah tidak dibenarkan.
13. Sebarang bentuk iklan yang dipamerkan pada badan kenderaan hendaklah mendapatkan lesen daripada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) terlebih dahulu.
14. Setiap peniaga hendaklah sentiasa menjaga tatasila dan kesopanan dalam menjalankan perniagaan. Peniaga hendaklah mengamalkan etika budaya yang sihat bagi memberi imej yang baik.
15. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) adalah berhak menjalankan siasatan dan memantau aktiviti perniagaan dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis.
16. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) berhak membatalkan atau menamatkan lesen jika didapati sebarang aduan atau salah guna syarat dan peraturan/Garis Panduan gagal dipatuhi.
17. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) berhak membatalkan atau menamatkan lesen sekiranya peniaga gagal menjalankan aktiviti perniagaan di lokasi yang telah diluluskan selama tiga (3) bulan berturut-turut.
18. Pemegang lesen hendaklah sentiasa mematuhi arahan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dari semasa ke semasa.
19. Perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK).
20. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) berhak meminda atau menambah apa-apa juga kandungan peraturan/Garis Panduan dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis.

#### **9. LOKASI YANG DIBENARKAN**

1. Kawasan kampung.
2. Kawasan kilang (zon industri) yang dibenarkan.
3. Kawasan tapak pembinaan yang dibenarkan.
4. Kawasan perumahan yang sesuai yang dibenarkan.
5. Bagi tapak dalam tanah / kawasan persendirian perlu mendapatkan kebenaran daripada pemilik atau pihak pengurusan dan seterusnya kelulusan oleh pihak DBKK.
6. Tapak permohonan aktiviti perniagaan adalah tertakluk kepada kelulusan Mayor Bandaraya Kota Kinabalu dari semasa ke semasa.
7. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) berhak menentukan mana-mana kawasan larangan zon menjaja.

**10. SYARAT PERMOHONAN**

1. Pemohon mestilah warganegara Malaysia dan berasal dari Sabah.
2. Pemohon mestilah berumur 18 tahun dan keatas.
3. Mempunyai dokumen kad pengenalan yang sah. Warga asing adalah tidak dibenarkan.
4. Kenderaan menjaja yang digunakan mestilah didaftar diatas nama pemohon.

